



## **KELESTARIAN PENANAMAN KELAPA SAWIT TERHADAP PENSIJILAN MSPO DALAM KALANGAN PEKEBUN KECIL SAWIT DI LAHAD DATU, SABAH**

### *SUSTAINABILITY OF OIL PALM CULTIVATION TOWARDS MSPO CERTIFICATION AMONGST OIL PALM SMALLHOLDERS IN LAHAD DATU, SABAH*

Azra Nuhairi Abdul Aziz<sup>1</sup>, Nur Anira Alfitri<sup>1</sup>, Nurainsah Sepeai<sup>1</sup>, Nurul Fadilah Mohd. Nawi<sup>2</sup> & Er, A.C.<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Pembangunan, Sosial, dan Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>2</sup> Program Pengurusan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

\* Corresponding Author: [ev eer@ukm.edu.my](mailto:ev eer@ukm.edu.my)

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 26.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 28.02.2021

Published date: 15.03.2021

##### **To cite this document:**

Aziz, A. N. A., Alfitri, N. A., Sepeai, N., Nawi, N. F. M., & Er, A. C. (2021). Kelestarian Penanaman Kelapa Sawit Terhadap Pensijilan MSPO Dalam Kalangan Pekebun Kecil Sawit di Lahad Datu, Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (22), 65-78.

#### **Abstrak:**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kelestarian penanaman kelapa sawit dalam kalangan para pekebun kecil di Lahad Datu terhadap persijilan MSPO. Sebanyak 300 orang pekebun kecil sawit di Lahad Datu, Sabah ditemubual menggunakan satu set borang soal-selidik. Hasil analisis kajian ini menunjukkan para pekebun sawit kecil mempunyai kesedaran terhadap Persijilan MSPO. Walaupun para pekebun kecil mempunyai kesedaran perlunya memiliki persijilan MSPO, mereka tidak mempunyai persijilan tersebut. Kesedaran memiliki persijilan MSPO dapat meningkatkan kualiti persekitaran, di samping berupaya meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti tanaman sawit mereka. Namun, pengurusan ladang oleh pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang sering mengalami perubahan dan borang permohonan yang banyak perlu diisi menjadi sebab utama para pekebun kecil sawit tidak mendapatkan persijilan MSPO tersebut. Langkah-langkah strategik dan program-program kesedaran berkaitan kepentingan persijilan MSPO dan berkaitan penanaman kelapa sawit perlu direncana dengan lebih meluas oleh pihak MPOB, di samping memperkenalkan permohonan persijilan yang berkonsepkan mesra pelanggan/pengguna, sistematik dan berinovasi bagi menarik lebih ramai pekebun kecil sawit

DOI: 10.35631/JTHERM.622007.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

mendapatkan pensijilan MSPO tersebut, sejajar dengan usaha kerajaan mengoptimumkan pengeluaran sawit yang berkualiti tinggi pada masa akan datang.

**Kata Kunci:**

Pekebun Kecil Sawit, Pensijilan MSPO, Amalan Pertanian Baik, Penglibatan Agensi Dan Organisasi

**Abstract:**

This study aims to study the sustainability of oil palm cultivation among smallholders in Lahad Datu on The Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Certification. A total of 300 oil palm smallholders in Lahad Datu, Sabah were interviewed using a set of questionnaires. The results of the analysis of this study show that oil palm smallholders have awareness of MSPO certification. Although they are aware of the need to have MSPO certification, they do not have such certification. Awareness of having MSPO certification can improve the quality of the environment while being able to increase the production efficiency and productivity of their oil palm plants. However, the management of the plantation by the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) which is often undergoing changes and many application forms that need to be filled is the main reason why the oil palm smallholders do not get the MSPO certification. Strategic measures and awareness programs related to the importance of MSPO certification and related to oil palm cultivation need to be planned more widely by MPOB, in addition to introducing certification applications with a user-friendly, systematic, and innovative concept to attract more oil palm smallholders to obtain MSPO certification in line with the government's efforts to optimize high-quality palm oil production in the future.

**Keywords:**

MSPO Certification, Oil Palm Smallholders, Awareness

**Pengenalan**

Industri kelapa sawit Malaysia merupakan yang kedua terbesar selepas negara Indonesia dan merupakan sektor utama dalam menyumbang sebanyak 5 peratus kepada hasil eksport negara (Fatin et al., 2017). Malaysia memiliki kelebihan sebagai salah satu kompetitif di pasaran antarabangsa, di samping menjadi peneraju pasaran dari aspek produktiviti dan pembangunan dan penyelidikan (R&D) hasil daripada pengalaman negara di dalam industri minyak sawit (Ahmad, Zaimah & Mohd Noor, 2012). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) iaitu Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir, Malaysia juga berperanan sebagai pengeksport utama minyak sawit kepada hampir 160 buah negara termasuklah China, India, dan Kesatuan Eropah yang merupakan pasaran terbesar bagi Malaysia. Tambah beliau lagi, permintaan minyak sawit akan terus meningkat bagi menampung kira-kira 9 bilion penduduk dunia menjelang tahun 2043 (Norshahzura, 2020).

Kejayaan Malaysia sebagai pengeksport utama minyak sawit dunia kini berhadapan dengan kritikan dan kekangan dari memasuki pasaran Eropah berikutan isu penebangan hutan, kebakaran hutan secara besar-besaran, kehilangan biodiversiti, kemerosotan kualiti tanah gambut, dan peningkatan gas hijau sehingga menjejaskan pembangunan ekonomi, sosial, dan alam sekitar global. Malahan, Kesatuan Eropah menggesa agar resolusi bagi menghentikan penggunaan minyak sayuran dalam biodiesel yang dihasilkan secara tidak mampan

dilaksanakan, di samping mengharamkan terus penggunaan minyak sawit tersebut dalam kehidupan harian masyarakat mereka. Dalam mengatasi permasalahan ini, pengenalan kepada skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan memperkukuhkan imej industri kelapa sawit negara di peringkat antarabangsa (Teresa Kok, 2019). Menurut Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir, teknologi dan pelaksanaan MSPO berupaya menjadikan minyak sawit Malaysia satu-satunya yang dihasilkan secara mampan di peringkat global (Norshahzura, 2020). Kesedaran kepada pekebun kecil sawit di dalam hal ini perlu dipertingkatkan agar aktiviti yang menyebabkan kemusnahan kelestarian dapat dibendung. Pelaksanaan amalan sistem pertanian yang baik juga dapat meningkatkan produktiviti, menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja, keselamatan makanan dan pemuliharaan alam sekitar (Wong & Er, 2019). Pelaksanaan ini sekaligus dapat memperbaiki sosioekonomi masyarakat, di samping menyeimbangkan kelestarian sosial dan persekitaran dalam kalangan pekebun kecil.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) selaku entiti yang bertanggungjawab merancang, menyelidik dan membangunkan industri minyak sawit dan kelapa sawit di Malaysia turut menggalakkan kesemua pekebun sawit untuk memiliki pensijilan MSPO yang secara langsung banyak memberi manfaat kepada lebih 400,000 pekebun kecil, terutamanya kepada 258,657 pekebun sawit persendirian (Astro Awani, 2020). Namun, hakikatnya hanya 2.75 juta hektar atau 47% daripada 5.85 juta hektar tanaman sawit di Malaysia sahaja mendapat pensijilan MSPO dan di Terengganu sahaja, hanya 54 peratus jumlah kawasan sawit yang memperoleh pensijilan tersebut. Peratusan dalam kalangan pekebun kecil sawit masih rendah di mana hanya 1.6% (212 hektar) daripada jumlah keluasan tanaman sawit iaitu sebanyak 13,670 hektar (Mohd Aizat, 2019). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi MPOB, Datuk Ahmad Jazlan Yaakob, fokus MPOB untuk membantu dan memberi inisiatif kepada para pekebun kecil sawit terutamanya pekebun-pekebun persendirian sawit berikutan pemilik ladang yang berskala besar mempunyai pengetahuan tentang kepentingan mempunyai pensijilan tersebut dan telah membuat permohonan dan diberi pengiktirafan sijil berbanding pekebun kecil sawit persendirian yang masih berdolak-dalik (Astro Awani, 2020). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesedaran dan kefahaman dalam kalangan pekebun kecil sawit, serta mengkaji keterlibatan mereka dengan program yang telah dijalankan oleh MPOB yang memfokus kepada pekebun kecil sawit di Lahad Datu, Sabah.

### **Ulasan Literatur**

Konsep kelestarian mempunyai definisi yang berbeza-beza mengikut konteks perdebatan dan perbincangan yang dikeutarakan. Konsep di sebalik kelestarian ini bukan hanya melibatkan isu persekitaran sahaja, namun ia juga mempunyai perkaitan dengan isu-isu yang melibatkan sosial seperti kebajikan masyarakat dan peluang ekonomi yang mana saling berkaitan dengan isu persekitaran (Agyeman et al., 2003). Definisi kepada kelestarian seringkali dikaitkan dengan Laporan Brundtland (1987) yang mengatakan bahawa pembangunan lestari merupakan pembangunan yang memenuhi kehendak masyarakat sekarang tanpa menjejaskan keperluan masyarakat akan datang. Konsep kelestarian merupakan suatu mekanisme yang berkaitan dengan segala aspek pembangunan atau transformasi yang berlaku antara masyarakat (Hasna, 2007). Dalam aspek penanaman kelapa sawit, tiga elemen iaitu kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar atau persekitaran perlu diberi fokus utama dalam mencapai aspek kelestarian demi kelangsungan generasi masa kini dan akan datang.

Bagi menjalankan kegiatan pertanian, ketiga-tiga elemen kelestarian ini sangat penting antara satu sama lain bagi mencapai perubahan dan transformasi yang akan dilakukan terhadap industri kelapa sawit khususnya. Industri pertanian memerlukan keseimbangan antara elemen-elemen ini bagi melaksanakan pembangunan dan menyelesaikan isu-isu alam sekitar yang semakin berleluasa (Wong & Er, 2017). Aspek sosial di dalam kelestarian perlu memenuhi keperluan asas, penglibatan, hubungan, budaya, bantuan, kesihatan, keselamatan dan juga infrastruktur (Er, 2010; Rospidah, 2013). Melalui penyertaan mereka, sedikit sebanyak boleh menerima ilmu pengetahuan, di samping dapat mengutarakan sebarang permasalahan yang berlaku kepada pihak berwajib agar ianya dapat diselesaikan dengan cepat. Penyertaan para petani di dalam persatuan membolehkan golongan ini sentiasa berkomunikasi dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul. Contohnya, para petani di Sweden telah melakukan inisiatif dalam membendung isu pertanian dengan mewujudkan persatuan dan kumpulan-kumpulan petani yang mana golongan ini menjadi orang tengah antara para petani dan kerajaan dalam menyampaikan maklumat. Di samping itu, pertukaran idea, pengalaman dan isu sedikit sebanyak boleh menyelesaikan masalah berkaitan dengan alam sekitar (Archambault, 2004). Terdapat kajian lepas membuktikan bahawa syarikat yang menyumbang kepada pembangunan kelestarian sosial komuniti berdepan dengan cabaran dalam memenuhi keperluan asas golongan pekebun kecil, menyelesaikan sebarang permasalahan, membina rangkaian sosial serta meningkatkan kreativiti untuk berfikir luar daripada kotak (Pasaribu, Vanclay & Zhao, 2020).

Industri kelapa sawit telah membina peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar yang mana telah membantu komuniti tersebut menyelesaikan pekebun yang tiada tempat untuk tinggal, di samping mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan mereka. Tambahan pula, komuniti masyarakat ini bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup, bahkan tahap kesihatan mereka juga boleh beransur pulih jika bantuan dari segi perubatan dapat diberikan kepada golongan ini (Abazue et al., 2015). Konsep tanggungjawab sosial korporat yang telah diperkenalkan kepada para pekebun kecil ini telah sedikit sebanyak menolong para pekebun ini ke arah lebih baik. Pengetahuan yang diberikan oleh pihak MPOB mengenai amalan pertanian yang baik bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan, namun dapat mengurangkan kemusnahan yang terjadi kepada persekitaran serta golongan ini mengetahui teknik terbaik yang boleh dilakukan terhadap penanaman sawit tersebut (Aki, Er & Chamhuri, 2015). Namun, pihak berkepentingan harus bijak dalam menentukan program yang bersesuaian dengan golongan ini agar tidak berlaku konflik-konflik yang berkaitan dengan pembangunan pertanian di kawasan terbabit. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Begum et al. (2018) yang menekankan skim latihan yang diberikan oleh FELDA kepada para pekebun kecil tidak membantu mereka dalam memahami konsep kelestarian itu sendiri.

Industri tanaman sawit menjadi sektor utama yang diperbincangkan banyak memberi kesan kepada perubahan iklim, penebangan hutan dan kehilangan biodiversiti. Dalam tempoh 50 tahun yang mendatang, perkembangan pertanian bagi memenuhi permintaan pasaran dunia akan menjadi faktor yang menyumbang kepada perubahan iklim (Tillman et al., 2001). Penebangan hutan secara tidak terkawal akan memberi kesan kepada perubahan iklim seperti peningkatan gas rumah hijau. Pada tahun 2014, satu gabungan yang merangkumi pertubuhan kerajaan, badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat multinasional telah menandatangani New York Declaration on Forests (NYDF) yang bertujuan menghentikan penebangan hutan. Sentimen deklarasi NYDF bagi menghentikan penebangan hutan serta


mengekalkan kelestarian alam sekitar turut dikongsi dan mendapat penerimaan peringkat antarabangsa. Deklarasi Amsterdam yang ditandatangani pada 7 Disember 2015 bertujuan untuk menghentikan penebangan hutan bagi tujuan pertanian komersil dan pembangunan ekonomi secara lestari. Deklarasi ini juga menyatakan komitmen Kesatuan Eropah bagi penggunaan 100% minyak sawit lestari. Parlimen Eropah pada 17 Januari 2018 (EU) telah bersetuju untuk menghentikan penggunaan minyak sawit di dalam biodiesel sektor pengangkutan di Eropah menjelang tahun 2021.

Bagi mengatasi permasalahan global ini, amalan pengurusan terbaik boleh meningkatkan hasil minyak dan secara serentak boleh mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran (R. Khatun et al., 2017). Usaha memperkenalkan amalan pertanian baik kepada pekebun-pekebun telah dipelopori oleh Lembaga Minyak Sawit Negara (MPOB). Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, MPOB telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pemindahan teknologi lestari kepada pekebun kecil sawit persendirian (Khairuman et al., 2014). Kerajaan telah melaksanakan Persijilan Minyak Sawit Mampan (MPSO) sejak tahun 2015 dan telah dimandatori bermula tahun Januari 2020. Hasil sawit yang dikeluarkan di bawah persijilan MPSO adalah disahkan selamat kepada pengguna dan dihasilkan tanpa mencemarkan alam sekitar. Instrumen persijilan lestari ini juga dianggap sebagai suatu amalan terbaik yang mampu menyelesaikan masalah secara global dari sudut eksploitasi sumber dan pencabulan hak asasi manusia (Vatn, 2015; Arias et al., 2013; Hatanaka, Bain & Busch, 2005). Salah satu komponen MSPO adalah Amalan Pertanian Baik (GAP) yang membantu memberikan hasil lebih baik antaranya dengan mengekalkan kesuburan tanah, mengurangkan hakisan tanah, mengekalkan kualiti air bawah tanah dan mengamalkan pengurusan perosak bersepadu (MSPO, 2014). Fatin Umaira et al. (2017) mendapati terdapat peningkatan dalam purata pengeluaran buah tandan segar (BTS) dari min 15.00 tan per hektar pada 2014 kepada min 19.17 tan per hektar pada 2015 setelah pekebun kecil mendapat pemindahan teknologi dan mengamalkan kaedah pertanian terbaik berbanding tahun sebelumnya. Pengamalan GAP oleh 46 orang pekebun kecil sawit di Kota Marudu, Sabah juga berupaya mewujudkan penanaman sawit yang bersifat mesra alam, di samping menjamin keselamatan dan kebajikan mereka hasil pematuhan piawaian yang dikeluarkan oleh MPOB (Nurul Fadilah et al., 2019), seterusnya membuktikan bahawa amalan pertanian baik yang diterapkan dapat meningkatkan produktivi pengeluaran pekebun kecil dan peladang sawit.

### ***Kerangka Kajian***


Kelapa sawit merupakan satu tanaman yang penting sebagai sumber makanan, malah ianya turut berpotensi sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Terdapat banyak kajian lepas yang telah dilakukan terutamanya mengenai kelestarian industri penanaman kelapa sawit. Dalam industri sawit di Malaysia, amalan pertanian lestari seharusnya diambil perhatian dan indikator-indikator yang sering digunakan bagi mengukur kelestarian ialah ekonomi, sosial dan persekitaran. Kahn (1995) telah menyatakan bahawa pembangunan lestari bergantung kepada tiga tunjang konseptual iaitu kelestarian ekonomi, kelestarian sosial dan kelestarian persekitaran. Dalam konteks Malaysia, pihak bertanggungjawab seperti MPOB memainkan peranan penting dalam membantu pekebun-pekebun kecil ke arah mencapai kelestarian dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. Usaha ini terus dilakukan dengan menjadikan persijilan MSPO sebagai keperluan mandatori. Rajah 1 menunjukkan kerangka pelaksanaan MSPO. Output dari pelaksanaan MSPO adalah bertujuan meningkatkan kelestarian ketiga-tiga indikator kelestarian.





Rajah 1. Kerangka diubahsuai dari Edosowan (1996) dan Rosearnida et al. (2019)


Pelbagai tindakan oleh agensi kerajaan mahupun pihak industri sendiri telah diambil bagi memastikan kelestarian industri sawit negara. Walau bagaimanapun, kritikan utama terhadap industri sawit adalah kesannya kepada alam sekitar seperti penebangan hutan tidak terkawal. Oleh yang demikian, terdapat keperluan bagi kajian perhubungan pelakon-pelakon dalam rantaian industri sawit negara bagi menilai kesan ke atas alam sekitar. Teori yang sesuai untuk memperincikan perkara ini adalah melalui Teori Permodenan Ekologi (TPE). TPE merupakan aliran keperpustakaan yang dibangunkan dan sedang membangun sejak 20 tahun lepas (Er, 2009). TPE mampu menjelaskan dan memahami mekanisme dan dinamik antara reformasi persekitaran produksi dan penggunaan. Di dalam sesuatu industri, TPE boleh mengetengahkan hubungan antara pembangunan industri dan persekitaran (Er, 2007). Dalam konteks di negara ini, TPE dapat diimplementasi bagi tujuan menganalisis jaringan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, agensi swasta atau perindustrian dan masyarakat dalam usaha mengurus alam sekitar dengan berkesan (Rajah 2).



Rajah 2. Teori Pemodenan Ekologikal (TPE)

Sumber: Buttell (2002), Mol (1955), Murphy (2000), Er (2007), Er (2010)

Menggunakan TPE, kerangka konseptual kajian adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.



**Rajah 3. Kerangka Konseptual Kajian**

### Metod Kajian

Kajian ini dilakukan Lahad Datu, Sabah. Sampel kajian terdiri daripada pekebun kecil di lima buah daerah di Lahad Datu, Sabah. Pekebun kecil ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka adalah domain utama dalam perhubungan dengan pihak MPOB. Data diambil menggunakan borang soal selidik yang mudah dan senang difahami oleh responden. Borang soal selidik ini diedarkan kepada 300 responden lengkap untuk dianalisis. Pengukuran kepada kelestarian penanaman kelapa sawit dalam kalangan pekebun kecil menggunakan soalan terbuka "Ya" atau "Tidak" dan skala yang melibatkan tidak penting, sedikit penting, agak penting, sangat penting dan tidak pasti. Analisis deskriptif (kekerapan, peratus, purata dan sisihan piawai) digunakan dalam sebahagian besar perbincangan hasil kajian.

### Perbincangan dan Kesimpulan

#### *Latarbelakang Profil Responden*

Berdasarkan Jadual 1, responden lelaki mendominasi iaitu sebanyak 69.3% berbanding responden perempuan (30.7%). Selain itu, dari segi umur pula dapat dilihat bahawa responden paling ramai yang terlibat dalam sektor ini adalah yang berumur 51 hingga 60 tahun (29.7%), beragama Islam (78.5%), dan berstatus berkahwin (88.7%). Bilangan isirumah yang paling

tinggi adalah sekitar lima hingga lapan orang (50.3%). Kebanyakan responden memperoleh pendidikan hanya di peringkat menengah (39%) dan menjadikan status pekebun kecil sawit sebagai pekerjaan utama mereka (90%).


**Jadual 1. Profil Responden**

Profil	Bilangan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
• Lelaki	208	69.3
• Perempuan	92	30.7
<b>Umur</b>		
• < 20 tahun	3	1.0
• 21-30 tahun	14	4.7
• 31-40 tahun	45	15.0
• 41-50 tahun	78	26.0
• 51-60 tahun	89	29.7
• 61-71 tahun	46	15.3
• > 71 tahun	25	8.3
<b>Status berkahwin</b>		
• Bujang	16	5.3
• Berkahwin	266	88.7
• Bercerai	5	1.7
• Janda/Duda	13	4.3
<b>Isirumah</b>		
• 1-4 orang	74	24.7
• 5-8 orang	151	50.3
• 9-12 orang	61	20.3
• >12 orang	14	4.7
<b>Agama</b>		
• Islam	235	78.3
• Buddha	4	1.3
• Kristian	61	20.3
<b>Tahap pendidikan</b>		
• Sekolah rendah	89	29.7
• Sekolah menengah	117	39.0
• Universiti/Kolej	18	6.0
• Tidak bersekolah	73	24.3
• Lain-lain	3	1.0
<b>Status pekebun kecil</b>		
• Pekerjaan utama	270	90.0
• Pekerjaan sampingan	30	10.0

Rajah 4 pula menjelaskan mengenai jenis milikan tanah responden. Jenis tanah bergeran adalah jenis tanah yang paling banyak dimiliki oleh responden (54%), diikuti dengan jenis milikan




jenis PT (41.7%), jenis tanah adat (3.3%), jenis tanah NCR (0.7%), dan terakhir adalah jenis rizab Orang Asli (0.3%).



**Rajah 4. Jenis Pemilikan Tanah**


#### ***Tahap Kesedaran Pekebun Kecil terhadap Pensijilan MSPO***

Rajah 5 menjelaskan mengenai kesedaran responden terhadap pensijilan MSPO. Kebanyakan responden yang mengusahakan ladang kelapa sawit menunjukkan bahawa mereka mengetahui akan kewujudan pensijilan MPOB. Ia dibuktikan di mana seramai 61.3% responden menjawab Ya berbanding 38.7% responden yang menjawab Tidak.




**Rajah 5. Kesedaran Terhadap Pensijilan MSPO**

Berdasarkan Rajah 6, sebanyak 78% responden menyatakan mereka tidak mempunyai pensijilan MSPO yang membuktikan tahap kesedaran mereka kurang akan kepentingan memiliki pensijilan tersebut. Pemerolehan pensijilan MSPO banyak dibuat pada tahun 2006 hingga tahun 2010 di mana sebanyak 7.6%, diikuti tahun 2011 hingga 2015 (6%), 2000 dan ke bawah (4.33%), tahun 2001 hingga 2005 (3.33%), dan tiada ada tarikh (0.67%).



**Rajah 6. Tahun Mendapat Pensijilan MSPO**

Penglibatan dengan latihan dapat memahirkan dan mendedahkan para pekebun kecil sawit dengan pelbagai kemahiran baru seperti teknik penanaman dan penuaian, penggunaan teknologi terkini, penerimaan info maklumat, dan sebagainya. Namun, kebanyakan responden (88%) menjawab Tidak, berbanding hanya 12% responden sahaja yang menjawab Ya.



**Rajah 4. Penglibatan Dengan Latihan MPOB**

Jadual 7 ukuran maklum balas daripada responden mengenai kepentingan mempengaruhi mendapatkan persijilan MPOB.

**Jadual 7. Kepentingan Sijil MSPO Dalam Tempoh 5 Tahun**

Pernyataan	Bil. (%)		Bil. (%)		Bil. (%)		Bil. (%)		Bil. (%)	
	SP	P	AP	KP	TP	SP	P	AP	KP	TP
Kepentingan yang mempengaruhi anda untuk mendapatkan persijilan MSPO dalam tempoh 5 tahun dari sekarang?										
Pensijilan MPSO boleh meningkatkan kualiti persekitaran.	51	17.0	50	16.7	88	29.3	52	17.3	59	19.7

Pensijilan MPSO boleh meningkatkan kecekapan.	46	15.3	48	16.0	90	30.0	64	21.3	52	17.3
Pensijilan MSPO membeikan pengetahuan baru.	45	15.0	53	17.7	92	30.7	46	15.3	64	21.3
Bantuan pembayaran untuk mendapatkan pensijilan daripada NGO/ kerajaan/ dsb.	49	16.3	59	19.7	78	26.0	45	15.0	69	23.0
Pasaran yang baik.	50	16.7	59	19.7	79	26.3	44	14.7	68	22.7

Nota: SP=Sangat penting, P=Penting, AP=Agak penting, KP=Kurang penting, TP=Tak penting

Pada pernyataan pensijilan MPOB boleh meningkatkan kualiti persekitaran kepada responden menunjukkan skala agak penting paling tinggi iaitu melibatkan 88 orang (29.3%) dan diikuti oleh skala tidak penting seramai 59 orang (19.7%). Selain itu, kepentingan pensijilan MPOB dikatakan boleh meningkatkan kecekapan pengeluaran paling ramai responden menyatakan agak penting iaitu 90 orang (30%) manakala kedua paling tinggi pilihan responden menunjukkan skala kurang penting 64 orang (21.3%). Responden juga menyatakan bahawa kepentingan pensijilan ini memberi pengetahuan baru adalah agak penting melibatkan 92 orang (30.7%) begitu juga dengan bantuan pembayaran untuk mendapatkan pensijilan daripada NGO/ kerajaan atau sebagainya menunjukkan pemilihan pada skala yang sama iaitu 78 orang (26%). Manakala bagi reponden kepentingan untuk pasaran yang baik menunjukkan pilihan agak penting paling tinggi iaitu melibatkan seramai 79 orang (26.3%).

#### **Jadual 8. Kepentingan Sebab Tidak Mendapatkan Sijil MSPO Dalam Tempoh 5 Tahun**

Kepentingan sebab-sebab mempengaruhi anda untuk tidak mendapatkan pensijilan MSPO dalam tempoh 5 tahun dari sekarang?

Pernyataan	SP		P		AP		KP		TP	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Perubahan pengurusan ladang oleh MSPO yang sukar.	58	19.3	94	31.3	110	36.7	29	9.7	9	3.0
Borang permohonan yang banyak.	55	18.3	103	34.3	91	30.3	44	14.7	7	2.3
Komunikasi yang lemah antara pihak MSPO dengan petani.	54	18.0	106	35.3	96	32.0	31	10.3	13	4.3
Ketiadaan sokongan luar.	56	18.7	104	34.7	97	32.3	31	10.3	12	4.0
Peningkatan kos pengeluaran.	57	19.0	111	37.0	84	28.0	32	10.7	16	5.3

Nota: SP=Sangat penting, P=Penting, AP=Agak penting, KP=Kurang penting, TP=Tak penting

Berdasarkan Jadual 8, terdapat beberapa kepentingan sebab-sebab yang mempengaruhi responden untuk tidak mendapatkan pensijilan MSPO dalam masa 5 tahun dari sekarang. Seramai 110 orang (36.7%) menyatakan agak penting pada perubahan pengurusan ladang oleh

MPOB yang sukar itu. Namun, apabila melibatkan borang permohonan yang banyak seramai 103 orang (34.3%) memilih skala setuju. Begitu juga, berkaitan dengan komunikasi yang lemah antara pihak MPOB dengan petani yang majority mereka mengatakan penting sebanyak 106 orang (35.3%) dan tiada sokongan dari luar 104 orang (34.7%). Pada peningkatan kos pengeluaran juga responden memberi maklum balas dengan menyatakan penting yang mana melibatkan 111 orang (37%).

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada objektif iaitu mengkaji tahap kesedaran pekebun kecil di Lahad Datu terhadap persijilan MSPO menunjukkan ianya berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini kerana jika dilihat pada penglibatan pekebun dalam mengikuti Skim MPOB paling tinggi menyatakan “Tidak” dan kebanyakan daripada mereka juga tidak mempunyai persijilan daripada pihak MPOB. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah dalam sector yang diceburi. Perkara ini akan memberi kesan dari aspek kelestarian sosial, ekonomi dan persekitaran yang membawa kepada kelestarian dalam penanaman kelapa sawit. Jika tahap kesedaran dalam kalangan responden adalah rendah maka dari sudut sosial dan ekonomi ianya tidak berlaku peningkatan atau perubahan. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan Abazue et al. (2015), industri kelapa sawit telah membina peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan di kawasan luar bandar yang mana telah membantu komuniti tersebut menyelesaikan pekebun yang tiada tempat untuk tinggal disamping mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan mereka. Tambahan pula, komuniti masyarakat ini bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup tetapi tahap kesihatan mereka juga boleh beransur pulih jika bantuan dari segi perubatan dapat diberikan kepada golongan ini. Perkara ini juga selari dengan kajian oleh Zaimah et al. (2017) melalui keberkesanan program yang diusahakan iaitu program integrasi tanaman bersama tanaman lain atau bersama ternakan adalah suatu usaha meningkatkan pendapatan dalam kalangan petani. Manakala dari sudut persekitaran pula, kajian ini yang kurang mendapat kesedaran mengenai amalan pertanian yang baik menunjukkan pandangan yang berbeza dengan kajian oleh R. Khatun et al. (2017) yang mana amalan pengurusan terbaik boleh meningkatkan hasil minyak dan secara serentak boleh mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerusi geran penyelidikan EP-2017-028 dan EP-2020-024 di bawah seliaan Prof. Dr. Er Ah Choy, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) di atas pembiayaan penerbitan artikel ini.

### **Rujukan**

- Abazue, C.M., Er, A.C., A.S.A., Ferdous Alam & Halima, B. (2015). Oil Palm Smallholders and Its Sustainability Practices in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol. 6, No. 6 S4, 482-488.
- Agyeman, J., Bullard, R.D. & Evans, B. (2003). *Just Sustainabilities: Development in an Unequal World*. MIT Press, Cambridge, MA.
- Ahmad Ashmal, A., Zaimah, D. & Mohd Noor, M. (2012). Senario masa hadapan pasaran dan pemasaran industri minyak sawit Malaysia ke arah perancangan strategik dalam peningkatan daya saing global. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 1, 6-9.

- Aki @ Zaki, A., Er, A.C. & Chamhuri, S. 2015. Penanaman Sawit Lestari Dan Impak Sosioekonomi. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 10, No. 1, 057-080.
- Archambault, S. (2004). Ecological modernization of the agriculture industry in Southern Sweden: reducing emissions to the Baltic Sea. *Journal of Cleaner Production*, 12: 491-503.
- Astro Awani. 2020. MSPO beri manfaat masa hadapan kepada pekebun komoditi sawit – MPOB. Diakses dalam <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mspo-beri-manfaat-masa-hadapan-kepada-pekebun-komoditi-sawit-mpob-247695> 18 Jun 2020.
- Begum, H., Siwar, C., Ferdous, A. A. S. A., Er, A.C., Suraiya, I. & Lubna, A. (2018). Enhancing sustainability amongst oil palm smallholders in Malaysia. *International Journal of Agricultural Resources, Governance and Ecology*, Vol 14(1): 62-79.
- Brundtland, G.H. (1987). Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future. United Nations, USA.
- Er, A.C. (2007). A Quantitative Methodology to Test Ecological Modernization Theory in The Malaysian Context. PhD. Thesis. Wageningen University.
- Er, A.C. (2009). Prestasi alam sekitar rantai industri tekstil dan pakaian di Malaysia: Faktor dorongan daripada perspektif pemodenan ekologi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 5, Issue 3 (44-56).
- Er, A.C. (2010). The nascent development of ecotourism in Lagong Hill. *American Journal of Applied Science*, 7(12), 1528-1531.
- Fatin Umaira, M.A., Abd Hair, A., Izzurazlia, I., Zaimah, R., Novel, L., Ishak, Y, Khairuman, H., Tan, S.P., Mohamad Arfan, J., Nur Hana, B. & Mohd Haidhar, A.H. (2017). Kelestarian Penanaman Sawit Dan Produktiviti Pekebun Kecil Persendirian. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, Vol. 1, No. 1, 12-20.
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health* 2: 47–57.
- meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit: Kajian kes di Johor, Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue 2, 152-163.
- Mohd Aizat, S. (2019). Kesedaran pensijilan MSPO belum sampai ke akar umbi. Diakses pada 23 Disember 2020 dalam [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my) 18 Ogos 2019.
- Norshahzura, M.Z. (2020). Sumbangan besar minyak sawit Malaysia. Diakses dalam Sinar Harian Online pada 25 Oktober 2020 di [www.sinarharian.com.my/article/106858/BERITA/Nasional/Sumbangan-besar-minyak-sawit-Malaysia](http://www.sinarharian.com.my/article/106858/BERITA/Nasional/Sumbangan-besar-minyak-sawit-Malaysia) (30 Disember 2020).
- Nurul Fadilah, M.N., Er, A.C., Rewathi, K., Yaakob, H.I. & Amran, A. (2019). Good Agricultural Practices amongst Oil Palm Smallholders: A case study in Sabah. *Religacion Revista de Ciencias Sociales y Humanidades*, Vol. 4, No. 17, pp.347-355.
- Khairuman, H., Nur Hanani, M., & Hamdan, A. B. & Wahid, O. (2014). Pusat TUNAS MPOB: Penggerak perubahan pekebun kecil sawit persendirian. *Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan*.
- Teresa Kok. (2019). Takut dikejar LHDN cetus salah faham isu MSPO. Diakses dalam Berita Harian Online pada 23 Disember 2020 di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my) 5 Ogos 2019.
- Tilman, D., Fargione, J., Wolff, B., D'Antonio, C., Dobson, A., Howarth, R., Schindler, D., Schlesinger, W.H., Simberloff, D., Swackhamer, D. (2001). Forecasting Agriculturally Driven Global Environmental Change, *SCIENCE* Vol 292: 281-284.

- Wong Mee Hua & Er, A.C. (2017). Kelestarian penanaman kelapa sawit dalam kalangan pekebun kecil di Sri Aman, Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, Vol. 3(1): 1-16.
- Wong Mee Hua & Er, A.C. (2019). Kajian kepustakaan indikator pelancongan warisan. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, Vol. 4 Issues 13, pp. 90-101.
- Zaimah, R., Novel, L., Sarmila, M.S. & Mohd. Yusoff, H. (2017). Keberkesanan integrasi sawit meningkatkan pendapatn pekebun kecil sawit: kajian kes di Johor, Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue 2, 1